

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]

SOALAN : 289

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prospek terhadap pasaran ASEAN bagi projek rereta nasional ketiga kelak.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dunia kini menyaksikan perkembangan teknologi yang cukup pesat dan pantas selaras dengan revolusi industri ke-empat. Begitu juga dengan kereta-kereta yang dihasilkan pada masa kini yang cukup sarat dengan teknologi baru untuk memudahkan pemanduan dan menjadikan pemanduan lebih selamat.

Projek kereta nasional baharu mempunyai pendekatan yang agak berbeza dengan pengeluar kereta nasional sedia ada kerana bakal menggabungkan beberapa buah syarikat teknologi dan pembekal tempatan bagi menghasilkan sebuah kenderaan.

Ucapan YAB Perdana Menteri semasa mengumumkan mengenai projek kereta nasional baharu dalam Bahasa Inggeris dengan izin, *"The idea about investing in national car is not just about building a national car, it's about becoming a catalyst for growing the Malaysian engineering capability"*

lanya juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar dan bukan lagi sebagai negara pengguna akan dapat dicapai dan dimanifestasikan sejajar dengan Malaysia baru yang fokus dengan pembangunan sains dan teknologi.

Projek kereta Nasional Baharu perlu mensasarkan pasaran serantau ASEAN dan juga di peringkat global dan tidak hanya tertumpu kepada pasaran domestik. Dengan seramai lebih daripada 640 juta orang penduduk, ASEAN memang menjadi satu pasaran yang kuat di dalam dunia dan ini sudah lama disedari oleh syarikat-syarikat automotif yang telah bertapak di rantau ini sejak dari dahulu lagi

Untuk terus bersaing diperingkat serantau dan global, kerajaan juga akan meneliti dari semua sudut dalam membawa industri automotif ke tahap seterusnya. Kereta nasional baharu sudah tentu akan berpaksikan pengalaman dan kepakaran yang telah dibina oleh ekosistem automotif sehingga kini, bersesuaian dengan trend pasaran dunia.

Projek kereta nasional baru bukan hanya mewujudkan sebuah kereta tetapi mengambil kesempatan daripada bakat dan sumber yang ada untuk mewujudkan pemangkin bagi pembangunan ekosistem di mana usahawan, perniagaan dan industri dapat berkembang.

Adalah menjadi harapan agar projek kereta nasional baharu dapat menyediakan peluang bagi syarikat berpangkalan di Malaysia untuk mengambil bahagian dan meletakkan diri mereka di barisan hadapan perubahan ini.

Sekian, terima kasih.